

Swasta maju projek monorel Putrajaya

BH- 5/2/2007

Cadangan sambung semula dihantar ke EPU: Zulhasnan

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Kementerian Wilayah Persekutuan mahu projek pembinaan sistem pengangkutan monorel di pusat pentadbiran ini, dikendalikan menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menterinya, Datuk Zulhasnan Rafique, berkata kaedah baru yang dimulakan mengikut RMK-9 itu lebih sesuai untuk projek terbabit supaya tidak membebankan kewangan Kerajaan Pusat.

Malah kata beliau, kementerian sudah menghantar cadangan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri untuk menghidupkan semula pembinaan fasa kedua projek monorel sepanjang 18 kilometer di bandar bestari itu.

Zulhasnan berkata, kementerian amat serius membantu Perbadanan Putrajaya yang mahu melihat sistem monorel dilaksanakan kerana dalam perancangan awal, 70 peratus daripada penghuni dan pengunjung di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu menggunakan pengangkutan awam setiap hari.

"Sasaran Perbadanan Putrajaya ialah hanya 30 peratus daripada pe-

lawat dan pekerja yang memasuki kawasan utara menggunakan kenderaan sendiri dan selebihnya menggunakan pengangkutan awam termasuk monorel.

"Perbadanan Putrajaya mahu projek ini diaktifkan semula selepas ditangguhkan pada 2004 dan Kementerian Wilayah Persekutuan sudah menghantar cadangan ini kepada EPU beberapa minggu lalu tetapi sehingga kini belum ada jawapan.

"Kami akan membangkitkan perkara ini kepada kerajaan dan mencari peruntukan sebab kita mahu projek ini dihidupkan semula kerana jumlah pengunjung dan pemastautin di Putrajaya sudah meningkat. Kos asal pembinaan projek monorel ini ialah RM400 juta," katanya kepada pemberita selepas melawat Taman Warisan Pertanian di sini, semalam.

Hadir sama Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman.

Kelmarin, Samsudin dilaporkan berkata, Perbadanan Putrajaya mahu kerajaan meneruskan semula projek monorel selepas tertangguh pada 2004 kerana kekurangan dana.

Pembinaan infrastruktur asas untuk monorel seperti terowong dan jambatan sudah disiapkan dan fasa seterusnya membabitkan pembinaan landasan dan stesen.

Mengikut rancangan asal, MTrans Monorail Sdn Bhd diberi tanggungjawab melaksanakan monorel di Putrajaya membabitkan 12 stesen termasuk tujuh di bawah tanah, antaranya di Presint 9, Presint 14, Hospital Putrajaya, Pusat Konvensyen Putrajaya, Masjid Putra, Pusat Beli-Belah Alamanda dan Kompleks E.

Zulhasnan juga memaklumkan Kementerian Pelancongan menubuhkan Majlis Tindakan Pelancongan Putrajaya sejak 1 Februari lalu bagi menggiatkan lagi usaha mempromosi bandar itu sebagai lokasi pelancongan.

FAKTA NOMBOR

Projek monorel di Putrajaya

RM400j

Kos asal

75%

Dijangka guna pengangkutan awam